

1984

KUALA LUMPUR, 11 JUN (BERNAMA) -- KAWASAN INSTITUT PENYELIDIKAN HUTAN SELUAS 600 HEKTAR DI KEPONG, DEKAT SINIAKAN DIJADIKAN TAHAN RIMBA REKREASI, PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGUMUMKAN HARIINI.

TAMANTERSEBUT BUKAN SAHAJA AKAN MEMPUNYAI KEMUDAHAN REKREASI DAN PERKELAHAN, IA AKAN DILENGKAPKAN DENGAN MUZIUM DAN PAMERAN MENGENAI PERHUTANAN DAN INDUSTRI PERKAYUAN, KATANYA.

PIHAK INSTITUT TELAH DIMINTA MENYEDIAKAN SATU LAPORAN MENGANDUNGI SYOR-SYOR MENGENAI KEMUDAHAN DAN KELENGKAPAN TAMAN YANG DPCADANGKAN ITU, KATANYA DALAM SATU SIDANG AKHBAR SELEPAS MENGHABISKAN MASA SETENGAH HARI MELAWATI INSTITUT ITU.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU MENDAPATI SUASANA KAWASAN HUTAN PENYELIDIKAN ITU AMAT SELESA DAN SESUAI DIJADIKAN TEMPAT REKREASI.

KEMUDAHAN TAMAN SEPERTI ITU SANGAT DIPERLUKAN BAGI PENDUDUK IBUNEGARA YANG SEMAKIN BERTAMBAH, KATANYA. --LAGI 1419/AJ
MAHATHIR-HUTAN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR PERCAYA TAMAN RIMBA REKREASI ITU BUKAN SAHAJA AKAN MENARIK RAMAI PENDUDUK TEMPATAN TETAPI JUGA AKAN MENJADI TUMPUAN PARA PELANCONG LUAR NEGERI YANG INGIN MENINJAU ALAM HUTAN SEMULA JADI.

PARA PELANCONG TERSEBUT BUKAN SAHAJA DAPAT MENGENALI LEBIH DEKAT JENIS-JENIS POHON KAYU DAN SUMBER HUTAN YANG TERDAPAT DI NEGARA INI MALAHAN DAPAT MELIHAT HASIL-HASIL BARANG-BARANG YANG DIPEROLEH DARI KAYU.

MEMANDANGKAN USAHA MENJADIKAN KAWASAN TERSEBUT SEBAGAI SEBUAH TAMAN TERMASUK KERJA PENYENGGARAANNYA AKAN MENELAN BELANJA, KERAJAAN BERCADANG MENGENAKAN BAYARAN KECIL BAGI MEREKA YANG INGIN MASUK KE TAMAN ITU.

BELIAU MENASIHATKAN ORANG RAMAI YANG MENGUNJUNGI TAMAN ITU SUPAYA MEMBANTU PIHAK INSTITUT MENJAGA KEBERSIHANNYA DISAMPING MEMATUHI PERATURAN YANG DITETAPKAN BAGI MENGELOKKAN SEBARANG KEJADIAN YANG TIDAK DIINGINI SEPERTI KEBAKARAN.

SESUAI DENGAN RANCANGAN MENJADIKAN KAWASAN INSTITUT ITU SEBAGAI SEBUAH TAMAN, JALAN MENUJU KE INSTITUT ITU PERLU DIPERBESAR ~~dan~~ lagi → DIPERBAIKI, KATANYA. --LAGI 1446/AJ.

MENGENAI KEGIATAN INSTITUT ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU KAGUM DENGAN KERJA-KERJA YANG DILAKSANAKAN OLEH INSTITUT ITU BAGI MENINGKATKAN INDUSTRI PERKAYUAN DI NE-4-8,8.

BELIAU PERCAYA PERANAN INSTITUT ITU AKAN BERTAMBAH BERKESAN APABILA DIJADIKAN BADAN BERKANUN TIDAK LAMA LAGI.

RANGUNDANG-UNDANG MENGENAINYA SEDANG DSIAPKAN OLEH KEMENTERIAN PERUSAHAAN UTAMA DAN AKAN DIKEMUKAKAN UNTUK PERTIMBANGAN KABINET SEBELUM DIBENTANGKAN KEPADA PARLIMEN, TAMBAH BELIAU.

MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA PENGELUAR KAYU TROPIKA TERBESAR DI DUNIA PERLU MEMBERI PERHATIAN SECUKUPNYA TERHADAP PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN INDUSTRI PERKAYUAN, KATANYA.

INI MELIPUTI PROSES PENANAMAN SEMULA SERTA KEGUNAAN SETIAP JENIS KAYU YANG TERDAPAT DI NEGARA INI.

BELIAU BERBANGGA KERANA INSTITUT ITU BERJAYA MENEMUI KEGUNAAN BATANG KELAPA SAWIT SEBAGAI PAPAN PARTIKEL DAN BELIAU PERCAYA INI AKAN MEMBERI KEUNTUNGAN KEPADA PENANAM-PENANAM KELAPA SAWIT YANG MATANG APABILA, MENEBAH POHON Masing-masing untuk menanam semula -Lagi

MAHATHIR-HUTAN '4 KUALA LUMPUR

BELIAU MEMUJI INSTITUT ITU KERANA LEBIH MENUMPUKAN PERHATIANNYA TERHADAP PENYELIDIKAN GUNAAN DARXPADA PENYELIDIKANILMIAH.

BELIAU PERCAYA KALANGANINDUSTRI PERKAYUAN AKAN MEMBANTUMEMBIYAI KERJA-KERJA PENYELIDIKAN INSTITUT ITU KERANA INI AKAN MENGUNTINGKAN MEREKA SENDIRI.

PADA MASA XNX INSTITUT ITU MENCENAKAN BAYARAN YANG RENDAHBAGI SESUATU KERJAPENYELIDIKAN YANGDIKEHENDAKIOLEH PIHAK SWASTA.

UNTUK MENAMPUNG TUGASPENYELIDIKAN YANG SEMAKIN BERTAMBAH KERAJAAN AKAN MENGAMBILLEBIH RAMAI PAKAR ASINGSEHINGGA TENAGA PAKAR TEMPATAN MENCUKUPI. PADA MASA INI TERDAPAT DUA ORANG PAKAR ASING DARIPADA SERAMAL 68 PEGAWAIPENYELIDIK YANG BERKHIDMAT DENGAN INSTITUT ITU.

SEBELUM ITUPERDANAMENTERIDIBERI TAKLIMAT MENCENAI KEGIATAN INSTITUTITUOLEHPENGARAHNYADR.SALLEH MOHAMAD NOOR. BELIAU KEMUDIAN MELAWRT MUZIUM HUTAN, PAMERAN HASILKAYU DAN TAPAK SEMAIAN HUTAN. BELIAU JUGA MENANAM SEPOHONPOKOK JENIS +MAGNOLIAMALAYA+ DI PEKARANGAN INSTITUT, SEBAGAI MENGAMBIL SEMPENA LAWATANNYA KE SITU.

TURUT MENGIRINGI DATUK DR.MAHATHIR DALAM LAWATANNYA ITU IALAH MENTERI PERUSAHAAN UTAMA,DATUK PAULLEONG DAN TXMBALANNYA ENCIK -- BUJANG HAJI ULIS.

--BERNAMA 1519/AN